

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

**TARIKH : 11.03.2014
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan projek pemindahan lokasi pangkalan TUDM di Butterworth sebanyak RM3 bilion dan penswastaaan tanah asal seluas 1,007 ekar untuk projek pembangunan sebanyak RM10 bilion dan adakah ia dijalankan secara tender terbuka, namakan syarikat pembida dan lokasi baru pengkalan TUDM di Pulau Pinang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Bagan, cadangan pemindahan dan pembangunan semula Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (PU) Butterworth, Pulau Pinang ini secara prinsipnya kerajaan telah bersetuju akan dijalankan melalui kaedah "*land swap*" oleh Syarikat LTAT-TSR CAPITAL-PBT JV.

Sebagai balasan, pihak syarikat akan membina semula fasiliti Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) iaitu, Pangkalan Udara (PU) Butterworth di tanah yang dicadangkan yang masih belum dimuktahirkan. Kesemua persetujuan kedua-dua belah pihak ini akan diputuskan setelah segala cadangan dan persetujuan balas kedua-dua pihak dimuktamadkan.